

05 JUL 2001

MAHATHIR-PROTON

KERAJAAN AKAN HALANG PENJUALAN SEMUA SAHAM PROTON

SHAH ALAM, 5 Julai (Bernama) -- Kerajaan akan menghalang penjualan kesemua saham Perusahaan Otomotif Nasional Bhd (Proton) kepada syarikat asing, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

"Sekarang jika boleh kita halang, ya.... kita akan halang. Jika kita terpaksa (jual), ia bukan penjualan 100 peratus," katanya kepada sidang media selepas melawat kilang utama Proton di sini.

Proton memang mahukan rakan teknologi yang baik, katanya.

Bagaimanapun, tambahnya: "Malaysia akan cuba sedaya upaya untuk mengelak daripada ditelan oleh gergasi-gergasi automotif."

Hari ini, tidak banyak pengeluaran kereta yang ada kerana banyak yang telah dibeli oleh gergasi-gergasi automotif, katanya.

Sementara itu apabila ditanya bila Proton akan mula beroperasi ini Bandar Proton di Tanjung Malim, Dr Mahathir berkata: "Kita sedang mengkajinya. Jika kita terlalu sesak di sini, kita akan pergi ke Tanjung Malim."

Sebelum ini, Proton bercadang untuk mengeluarkan model-model kereta baru di kawasan kilang seluas 1,600 hektar di Tanjung Malim.

Bagaimanapun, cadangan itu ditangguhkan pada Januari 1998 ketika kelembapan ekonomi bagi menjimatkan wang. Ia juga telah dinasihat oleh kerajaan supaya menangguhkan projek besar itu.

Ketua Pegawai Eksekutif Proton Tan Sri Tengku Mahaleel Tengku Ariff yang turut hadir di sidang media itu berkata Proton berhasrat untuk berpindah ke Tanjung Malim, khususnya dengan pengeluaran model-model baru.

Turut hadir di sidang media itu adakan Presiden Petroliam Nasional Bhd Tan Sri Mohd Hassan Marican.

Sebelum itu, Perdana Menteri berkata beliau amat kagum dengan kemajuan yang dibuat oleh pengeluaran kereta nasional itu sejak ia dilancarkan pada 1985.

Dr Mahathir berkata daripada kereta yang mempunyai hampir 80 peratus kandungan asing, kereta Proton kini direkabentuk, diuji dan dikeluarkan di dalam negara hampir keseluruhannya oleh rakyat Malaysia.

Beliau juga berkata beliau telah menguji enjin 1.6 liter yang dikeluarkan oleh Proton dan menyifatkan sebagai kereta yang berkuasa.

Sementara itu, beliau yang turut melawat kilang yang mengeluarkan model Waja di kilang utama, memuji tahap automasi yang dicapai di kilang itu serta rekabentuknya yang mesra pekerja. -- BERNAMA

MAD MKO KTC JR